

Pesta buku tampil kelainan ^{2/12/2018} _{mls 24}

Seri Kembangan: Pesta buku Big Bad Wolf (BBW) yang akan diadakan di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia (MIECC), The Mines, bermula Jumaat ini menampilkan kelainan dengan jualan buku mewah serta 'coffee table book' pada harga murah.

Pameran itu akan berlangsung di situ hingga 14 Disember ini.

Pengarah Urusan BookXcess, syarikat pengendali pesta itu, Andrew Yap, berkata pihaknya mewujudkan zon premium iaitu kawasan jualan buku edisi mewah yang ditawarkan dengan harga murah di pameran yang dibuka 24 jam sehari bermula jam 7 pagi pada Jumaat.

Katanya, pengunjung boleh membeli 'coffee table book' de-



Wakil penjual **membuat persiapan** untuk Pesta Buku Big Bad Wolf di MIEC, Mines City Resort.

[FOTO OWEE AH CHUN/BH]

ngan harga serendah RM300 di pesta buku berkenaan.

"Kami jual dengan harga murah bagi menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Orang ramai juga sedia maklum harga buku berkenaan ada yang mencecah sehingga RM800 senaskhah.

Diskaun hebat

"Pengunjung turut berpeluang memperoleh diskaun hebat sebanyak 75 sehingga 95 peratus bagi semua jenis buku di pameran yang disertai oleh 300 penerbit dari seluruh dunia ini," katanya ketika ditemui pemberita, di sini, semalam.

Beliau berkata pihaknya juga memperuntukkan RM150 bagi setiap anak yatim dari 10 rumah kebajikan untuk membeli buku.

"Inisiatif bersama Bank Hong Leong adalah kerana rasa simpati terhadap nasib mereka dan ingin memberi peluang kepada mereka

memilih buku kegemaran," katanya.

Andrew berkata, pihaknya juga akan melancarkan kad keahlian BBW yang menawarkan potongan harga menarik kepada pengunjung berdaftar.

"Bagaimanapun, kad itu hanya boleh digunakan pada pameran BBW tahun depan kerana kami perlu mengemas kini maklumat ahli dan mengambil kira jenis buku yang diminati.

"Pengunjung yang ingin menjadi ahli boleh mendaftar secara atas talian di <http://www.bigbadwolfbooks.com/> atau pendaftaran boleh dilakukan ketika berkunjung ke pameran ini," katanya.

Andrew berkata, dua penulis buku Fixi iaitu Shaz Johar yang menulis cerita *Lelaki Sesuatu Itu* (*Kougar*, *Tabu*, *Sanctuarium*) dan *Dayang Noor* (*Cikgu Asyraf*, *Hilang*, *Jerat dan Samar*) akan melancarkan buku itu pada jam 10 malam Sabtu ini.